

P.U. (A) 475/2005

AKTA SURUHANJAYA SEKURITI 1993

**PERINTAH SURUHANJAYA SEKURITI (PENETAPAN SEKURITI ISLAM)
(PINDAAN) 2005**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 2B Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993 [*Akta 498*], Menteri, atas syor Suruhanjaya, membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Suruhanjaya Sekuriti (Penetapan Sekuriti Islam) (Pindaan) 2005**.

(2) Perintah ini hendaklah disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 3 Julai 2004.

Pindaan perenggan 2

2. Perintah Suruhanjaya Sekuriti (Penetapan Sekuriti Islam) 2004 [*P.U. (A) 230/2004*] dipinda dalam perenggan 2, di bawah tafsiran “sekuriti Islam”, dengan memasukkan selepas perkataan “Suruhanjaya” perkataan “, tetapi tidaklah ditafsir sebagai terpakai bagi mana-mana Instrumen Boleh Niaga Islam (“IBNI”) jika syarat-syarat berikut dipenuhi:

- (i) penerbitan IBNI adalah daripada institusi berlesen atau bank Islam yang layak yang mematuhi Garis Panduan bagi IBNI yang ditentukan oleh Bank Negara Malaysia; dan
- (ii) tempoh maksimum IBNI tidak melebihi lima tahun.”.

Dibuat 6 Oktober 2005

[KK/BPKA/K2/(S)/483/1/5; PN(PU²)523/III]

TAN SRI NOR MD BIN YAKCOP
Menteri Kewangan II